

NO. SOALAN : 49

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DR. MANSOR BIN ABDUL RAHMAN**  
**[SIK]**  
**TARIKH : 8.8.2017 (SELASA)**

**DR. MANSOR BIN ABDUL RAHMAN [SIK]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam mengawal kenaikan harga barang import disebabkan oleh kejatuhan nilai ringgit.

## JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Harga barangan import adalah dipengaruhi oleh pelbagai faktor iaitu perubahan nilai pertukaran mata wang asing, permintaan dan penawaran (*demand and supply*), faktor cuaca, ekonomi global, persaingan, kadar upah dan sebagainya. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan prihatin terhadap keadaan ini dan sentiasa mengambil langkah-langkah bagi menanganinya. Antara tindakan-tindakan yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. Mengawal tindakan peniaga mengambil keuntungan tinggi yang tidak munasabah melalui penguatkuasaan **Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah Bagi Barangan) 2016** di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011;
- ii. Mengawal harga barang musim perayaan termasuk barangan segar import tertentu di bawah **Skim Kawalan Harga Musim Perayaan** semasa musim-musim perayaan utama dalam negara;
- iii. Mewajibkan penandaan harga atau mempamerkan senarai harga ke atas barangan yang dijual oleh peniaga melalui **Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1993** supaya pengguna dapat membuat pilihan sebelum membeli;
- iv. Mengadakan **kerjasama NBOS** bersama agensi-agensi lain untuk memastikan pembekalan khususnya barangan makanan yang diimport adalah mencukupi dan perubahan harga dapat distabilkan;
- v. Meneruskan **pemberian peruntukan subsidi** bagi barangan kawalan di mana bahan asasnya diimport dan harganya ditetapkan

oleh pasaran dunia. Kerajaan memperuntukkan subsidi bagi beberapa barangan keperluan pada harga yang tidak membebankan;

- vi. Meningkatkan **keberadaan (*omnipresence*)** pegawai-pegawai penguatkuasa di lokasi-lokasi terpilih yang menjadi tumpuan orang ramai bagi mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif;
- vii. Mewujudkan **Skuad Tindakan Aduan Rakyat (STAR)** dan **Special Action Squad (SAS)** bagi menyelesaikan aduan pengguna dengan cepat dan pantas;
- viii. Mewujudkan ***Friends of KPDNKK*** yang berperanan sebagai mata dan telinga KPDNKK mengenai isu harga barang;
- ix. Melaksanakan pemantauan harga barangan keperluan harian melalui **Program Pemantauan Harga**; dan
- x. Mewujudkan pelbagai saluran aduan untuk kemudahan orang ramai mengemukakan aduan mengenai harga barang.

Tindakan-tindakan Kementerian ini menunjukkan kesediaan Kerajaan dalam menangani isu harga barangan supaya kepentingan rakyat terus dilindungi.